

Seluruh negara diisyiharkan kawasan larangan berkuat kuasa serta-merta

# Jangan buat pembakaran terbuka

**P**UTRAJAYA — Seluruh Malaysia diisyiharkan sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka kecuali pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar berkuat kuasa serta-merta sehingga 5 September Monsun Barat Daya berakhir.

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Norlin Jaafar (gambar kecil) berkata, larangan itu susulan situasi jerebu yang melanda negara sejak 5 September sehingga kini.

Menurutnya, larangan tersebut adalah di bawah kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Kualiti



SELURUH negara ini diisyiharkan sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka berkuat-kuasa serta-merta sehingga Monsun Barat Daya berakhir. — Gambar hiasan

Alam Sekeliling di bawah Seksyen 29AA (2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Semua pihak diminta tidak melakukan pembakaran ter-

buka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga

menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Norlin memberitahu, mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan," ujarnya.

Jelasnya, orang ramai diminta memadamkan kebakaran kecil serta membuat laporan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi sebarang aktiviti pembakaran terbuka yang dikesan.

## INFO

Bacaan IPU setakat puluk 6 petang

• Rompin, Pahang	- 223
• Johor Setia, Klang, Selangor	- 201
• Nilai, Negeri Sembilan	- 161
• Putrajaya	- 161
• Shah Alam, Selangor	- 156
• Petaling Jaya, Selangor	- 150
• Cheras, Kuala Lumpur	- 149
• Sri Aman, Sarawak	- 141
• Batu Muda Kuala Lumpur	- 145
• Kuching, Sarawak	- 139
• Banting, Selangor	- 138
• Kuala Selangor, Selangor	- 137
• Seremban, Negeri Sembilan	- 135
• Seri Majong, Perak	- 129
Bacaan IPU	
• Baik	- 0:50
• Sederhana	- 51:00